

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 47 RABU 22 NOVEMBER, 1967

1387 رابو 19 شعبان

PERCHUMA

D. Y. M. M. rasmikan pembukaan pusat bekalan letrik di-Gadong

BRUNEI TIDAK AKAN MENILAI SEMULA WANG RINGGIT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei mengumumkan bahawa ia-nya membuat keputusan tidak akan menilai semula mata wang ringgit Brunei, menurut nilai mata-wang Sterling British.

Seringgit wang Brunei sekarang ini ada-lah bersamaan dengan dua shilling lapan perpuluhan 67 pence, berikutan dengan penilaian semula matawang Sterling sa-banyak 14.3 peratus.

Pengumuman itu menyatakan, kerajaan telah menimbangkan kesan ka-atas wang ringgit Brunei yang di-keluarkan buat pertama kali pada 12 Jun, 1967 dan memutuskan bahawa wang ringgit Brunei tidak akan di-nilai semula.

Brunei sekarang ini mempunyai chagaran simpanan yang mencukupi untuk mengekalkan nilai mata wang Brunei, dan tidak ada-lah di-anggapkan bahawa kesan2 ka-atas ekonomi memerlukan penilaian semula.

Oleh yang demikian, seringgit wang Brunei sekarang ini ada-lah bersamaan dengan satu ringgit 17 sen wang lama, yang mana nilai wang lama ia-lah lapan puluh lima perpuluhan tujuh puluh satu sen berbanding dengan seringgit mata wang baru.

Mata wang Brunei boleh ditukar dengan mata wang Malaysia dan Singapura.

Kerajaan2 Malaysia dan Singapura telah juga mengumumkan bahawa mereka tidak bertujuan hendak menilai semula mata wang negeri masing2.

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan telah bertitah bahawa kerajaan akan terus menerus melaksanakan2 perkembangan yang akan membawa faedah kepada seluruh raayat di-negeri ini.

Baginda menyeru raayat supaya menyambut baik dan memikul tanggung-jawap masing2 dan sebagai raayat dalam sa-buah negara hendaklah berusaha bersungguh2 untuk kemakmoran.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan telah bertitah di-satu majlis pembu-

kan rasmi perbekalan letrik pada hari Isnin lepas.

Baginda bertitah bahawa kerajaan telah meluluskan rancangan perbekalan letrik seluruh negara dalam tahun 1964 kerana memberi kesenangan dan kemudahan bukan sahaja kepada raayat

yang tinggal di-kawasan2 bandaran bahkan juga kepada raayat yang tinggal di-kawasan2 pendalaman dan luar bandar.

Ia-nya juga menjadi satu dari usaha yang mustahak dalam kehidupan raayat di-zaman perkembangan sains dan teknologi, kerana ia-nya ada-lah satu jalan untuk membuka peluang2 baru bagi perkembangan.

Baginda telah menyatakan harapan semuga perusahaan dan lain2 projek yang mendatangkan faedah akan berkembang di-Brunei hasil dari inisiatif dan daya usaha raayat sendiri.

Oleh yang demikian, titah baginda, kerajaan telah berusaha dan maseh berusaha dengan sedaya upaya yang boleh pada menghantar penuntut2 dari Brunei untuk meninggikan pelajaran mereka dari segenap atau jenis lapangan.

Duli Yang Maha Mulia juga mengingatkan raayat betapa mustahak-nya keamanan dan keselamatan dan bertitah bahawa ada-nya kea-

(Lihat Muka 8)



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan sedang menyampaikan titah ucapan ketika merasmikan pembukaan pusat bekalan letrik di-Gadong pada hari Isnin lepas.

AL-KOR'AN RAPUS DGN. PETUNJOK2—TITAH DYMM

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hasanah Bolkiah Muizzuddin Waddaulah telah berchemar duli ka-Padang Besar, Bandar Brunei untuk menyaksikan pertandingan akhir membaca kitab suchi Al-Kor'an sa-negeri Brunei pada malam kedua peraduan tersebut.

Baginda kemudian-nya telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 yang berjaya dan terdahulu dari itu Baginda telah juga menyampaikan titah ucapan di-majlis tersebut.

Pada malam pertama pertandingan itu di-langsangkan, pembukaan rasmi-nya telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim. Pertandingan itu telah berjalan sa-lama dua malam berturut2 mulai 16 November lepas.

Dalam titah ucapan di-majlis itu, Duli Yang Maha Mulia telah menyebut tentang kemajuan yang telah di-chapai dalam bidang pembacaan ki-

tab Suchi Al-Kor'an.

"Ini, titah Baginda, ada-lah berkat rajin dan tekun-nya qari2 dan qari'ah2 di-Brunei ini dalam mempelajari-nya bersungguh2 daripada guru2 mereka, khas-nya guru2 Kor'an yang di-datangkan dari tetangga kita Malaysia", titah Baginda.

Baginda berharap bahawa kemajuan di-lapangan tersebut akan bertambah pesat dan akan lebeh ramai lagi qari2 dan qari'ah2 negeri ini berusaha dengan rajin bagi mem-

Lihat Muka 8.

Rancangan kesihatan ka-sekolah2 seluruh negeri berjalan dengan lancar

BANDAR BRUNEI — Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dato Dr. P. I. Franks berkata pada minggu lalu bahawa Rancangan Kesihatan Sekolah yang bertujuan untuk melindungi dan memperbaiki kesihatan kanak2 di-negeri ini sedang di-laksanakan dengan lalin walaupun terdapat kekurangan kakitangan.

Beliau berkata, ini adalah perkhidmatan yang penting kerana ia-nya meliputi hampir2 satu perlima dari seluruh penduduk negeri ini.

Di-bawah rancangan itu, jabatan itu menjalankan pemeriksaan perubatan, memperbaiki keadaan kesihatan dan kawasan sekolah, mengawal penyakit2 yang berjangkit dan mengadakan suntikan, membentulkan anggota2 yang chachat, rawatan chemas dan mencegah kemalangan dan mengadakan pelajaran kesihatan.

PEMEREKSAAN

Sejak perkhidmatan kesihatan sekolah ini di-mulakan 6 bulan yang lalu, 68 buah sekolah telah di-lawati kerana menjalankan pengkajian permulaan dan pemeriksaan perubatan telah di-jalankan di-15 buah sekolah.

Dato Franks berkata, sajumlah 1,600 orang kanak2 telah di-pereksa. Di-antara anggota2 badan yang chachat yang di-dapat dalam pemeriksaan perubatan itu gigi berlobanglah yang terbanyak sekali dan merupakan 30 peratus dari semua chachat.

Ada juga terdapat banyak kanak2 yang mengidap penyakit mata. Ini adalah merupakan 1 peratus dari semua kanak2 yang telah di-pereksa. Kira2 lima peratus dari kanak2 sekolah mempunyai kekurangan zat vitamin.

SUNTEKAN

Dato Franks berkata, rancangan mencegah penyakit chachat di-sekolah adalah diteruskan. Suntikan mencegah penyakit kolera sa-chara besar2an telah berjaya di-lakukan dan sa-bilangan besar kanak2 dan orang dewasa telah di-suntik.

Dato Franks berkata, apabila lebeh banyak lagi kakitangan luar di-dapati bagi perkhidmatan kesihatan sekolah, suntikan beramai2 bagi mencegah penyakit kerongkong, kejeng mulut, batuk rejan atau batuk panjang, penyakit polio atau lumpuh, batuk kering dan demam kepialu akan di-jalankan.

Sementara itu semua sekolah2 telah di-kirim surat pemberitahuan mengenai tempoh kanak2 di-benarkan tidak hadir ka-sekolah, jika berlakunya kejadian penyakit2 yang berjangkit dan guru2 besar

sekolah ada-lah di-harapkan menurut perintah surat pemberitahuan itu supaya kejadian wabak akan dapat di-cheгах.

Dato Franks, berkata, perkhidmatan gigi ka-sekolah2 ada-lah berusaha seberapa yang boleh untuk memberi rawatan kepada semua kanak2 sekolah. Lebeh2 lagi kawasan dan sekolah2 yang telah dimasukkan dalam rancangan lawatan oleh perkhidmatan gigi yang bergerak dalam tahun ini.

Beliau berkata, pelajaran perubatan atau kesihatan yang

populer bagi sekolah ia-lah dengan mengadakan pertunjukan, cheramah melalui radio, tayangan filem mengenai kesihatan pengajaran yang di-rancangan dan seminar bagi guru2. Banyak kemajuan telah di-chapai dalam kegiatan ini.

Dato Dr. Franks berkata, perkhidmatan perubatan sekolah ada-lah juga sa-bahagian keperluan2 kesihatan awam untuk memenuhi dengan berkesan-nya keperluan2 kesihatan bagi kanak2 dalam bangku sekolah hingga mereka meninggalkan sekolah.



Kerja2 bergotong royong itu telah di-awasi oleh Pensurohjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri dan dalam gambar di-atas menunjukkan beliau dan orang2 kampung di-situ hendak mendirikan tiang rumah tersebut.

GOTONG ROYONG BENA RUMAH UNTUK TIGA KELUARGA

TEMBURONG. — Pesurohjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri telah mengawasi pembenaan tiga buah rumah keluarga orang2 tahanan di-Kampung Belaban pada minggu lalu.

Mereka yang bergotong royong ia-lah anggota2 askar Melayu Di-Raja yang bertempat di-pekang Bangar dan orang2 kampung di-tempat itu.

Terdahulu sebelum itu, jabatan kebajikan telah memberikan kepada keluarga itu sa-banyak \$1,000 melalui Pe-

gawai Daerah Temburong Awang Johari bin Abdul Razak, kerana belanja membeli bahan2 pengganti-nya seperti paku dan zen2 bum-bong.

Rumah2 tersebut dalam keadaan terbiar selama beberapa waktu.

Jabatan Kebajikan memberikan sumbangan-nya kepada keluarga orang2 tahanan pada tiap2 minggu, ia-itu lima ringgit kepada sa-orang isteri dan kanak2 sa-orang tiga ringgit. Ini ada-lah sebagai allowance nafkah kepada mereka.

Kerajaan ambil berat tentang kemajuan seni lukis — Pengarah DBP

BANDAR BRUNEI — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jamil telah merasmikan pembukaan Pameran Lukisan dan Pertukangan Tangan Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu.

Pameran tersebut telah di-adakan di-Sekolah Melayu S.M.J.A. Pusing Ulak pada hari Ahad yang lalu.

Sa-buah Sekolah Menengah Melayu, ia-itu Sekolah Menengah S.M.J.A. dan lima buah sekolah2 rendah telah mengambil bahagian dalam pameran tersebut.

Sekolah Menengah S.M.J.A. hanya mempamerkan hasil2 lukisan dan pekerjaan tangan murid2 sekolah itu sahaja.

Sa-belum merasmikan pembukaan pameran tersebut, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jamil menegaskan bahawa kerajaan Duli Yang Maha Mulia memang sentiasa mengambil perhatian berat ka-atas kemajuan seni lukis itu selain dari menggalakkan pelajaran seni lukis.

Beliau berkata bahawa di-bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka yang mengadap ka-Jalan Elizabeth II, beberapa lukisan2 yang menggambarkan seni budaya Brunei sejak dari dahulu hingga sekarang di-jadikan sebagai hiasan.

Lukisan itu di-hasilkan oleh Awangku Asmali bin Penggiran Ahmad, sa-orang pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka yang sedang mendalami pengajian seni lukis-nya di-England dengan biasiswa Kerajaan pada masa ini.

“Lukisan ini di-maksudkan, bukan hanya bangunan itu dapat di-lihat kechanteannya dari bentuk-nya, tetapi seni lukis juga di-beri kesempatan mengambil peranan penting menjadi sa-bagai satu hidangan jiwa kepada masha-rakat,” kata beliau.

Mengenai pertukangan tangan pula, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jamil mensifatkan-nya sebagai tidak kurang penting-nya di-sisi pembangunan bangsa.

Jika indah penghasilan-nya, sudah tentu akan mendatangkan sesuatu kegembiraan juga, dan rupa penghasilan itu dapat jadi ukiran ketinggian seni sesuatu bangsa”.

GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU

MAJLIS DO'A SELAMAT DAN PERPISAHAN KERANA SELESAI-NYA PENG GAMBARAN FILEM "GEMA DARI MENARA"

BANDAR BRUNEI — Penggambaran filem "Gema Dari Menara" yang di-usahakan oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama telah di-tamatkan pada hari Rabu 15 November yang lalu apabila penggambaran terakhir filem itu telah di-laksanakan di-bangunan baru Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Kuala Belait.

Penggambaran filem itu memakan belanja sa-banyak \$150,000,00 dan telah di-usahakan oleh Filem Negara Malaysia.

Satu majlis do'a selamat dan perpisahan antara pelakon2 yang mengambil bahagian dan unit Filem Negara Malaysia telah di-adakan di-Dewan Madrasah.

Kebanyakan pelakon2 yang mengambil bahagian baik yang penting mahu pun tambahan ada-lah terdiri dari pemuda2 dan pemudi2 tempatan.

Penggambaran itu di-jadualkan selesai sa-lama 45 hari tetapi di-sebabkan beberapa halangan, maka penggambaran itu terpaksa berjalan sa-lama 104 hari yang di-lakukan diseluruh negeri Brunei dan Kuala Baram, Miri, Sarawak.

Pengarah Filem itu, Awang Muhasbi dari Malaysia telah memuji pelakon2 tempatan yang di-sifatkan beliau sa-bagai mempunyai bakat yang besar dalam menghadapi lakuan2 di-depan lensa kamera.

Penolong Penerbit Filem itu, Awang Othman Habsham telah menyatakan keyakinan-nya bahawa pada satu masa nanti Brunei harus mempunyai perusahaan filem-nya sendiri terutama jika di-pandang dari segi pengaruh filem dalam memberikan penerangan2 kepada orang ramai, di-samping menimbulkan bakat2 terpendam dalam segi lakuan yang di-punyai oleh anak2 tempatan.

Awang Othman juga mensifatkan usaha sulong Jabatan Ugama itu sa-bagai satu langkah yang bijak dalam usahanya menyebarkan shi'ar Islam di-negeri ini dan amat sesuai dengan sifatnya sa-bagai Ugama rasmi negara.

Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Seri Laila Jasa Kamaluddin telah menyatakan terima kasih-nya atas usaha2 Unit Filem Negara Malaysia sa-hingga selesai-nya penggambaran filem tersebut.

Beliau juga amat berbangga bila mengetahui bahawa ramai anak2 tempatan telah mengambil bahagian dalam penggambaran itu yang menunjukkan bakat mereka yang tinggi nilai-nya dalam dunia seni lakun dan penggambaran filem.

Yang Amat Mulia itu telah juga menyebut tentang perpisahan antara pelakon2 tempatan dengan keluarga Filem Negara Malaysia dan mengharapkan agar persahabatan akan sentiasa terjalin antara

mereka sa-bagai satu bangsa, satu kebudayaan dan satu bahasa.

Sa-orang juruchakap dari Unit Filem Negara Malaysia menyatakan bahawa filem itu akan dapat di-tayangkan di-Brunei dalam jangka empat bulan lagi.

Cherita filem tersebut adalah berkisar kepada beberapa keburokan yang berlaku di-kalangan masyarakat Melayu yang akhir-nya berbalak ka-

pada penyesalan yang sudah tidak berguna lagi.

Filem itu juga menunjukkan betapa mustahak-nya Umat Islam mengetahui lebeh dalam lagi tentang ajaran2 Islam yang sa-benar-nya.

Cherita "Gema Dari Menara" itu ia-lah hasil karya Awang Abdul Saman Kahar sa-orang bekas penuntut Kolej Islam Malaya dan akan melanjutkan perajaran-nya di-Mesir.



Antara yang hadir dalam majlis tersebut ia-lah Pengetua Jabatan Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Seri Laila Jasa Kamaluddin dan di-sebelah kanan beliau ia-lah Awang Othman Habsham, Penolong Penerbit filem 'Gema Dari Menara'.



Sa-bahagian daripada para pelakon dan para jemputan yang hadir dalam majlis do'a selamat dan perpisahan kerana tamat-nya penggambaran filem 'Gema Dari Menara'.

Musium perolehi lagi barang2 purba untok bahan pameran

BANDAR BRUNEI — Musium Brunei telah memperolehi dalam apa yang di-sifatkan oleh Penyelenggara Musium tersebut, Pengiran M. Sharifuddin, sebagai satu daripada himpunan barang2 berharga dan indah yang paling menarek.

Ia-nya mengandungi 21 barang2 perhiasan dari emas Limbang dan batu permata yang di-beli-nya dari pengumpul di-London awal tahun ini. Emas tersebut telah di-gali dari kawasan Limbang dalam tahun 1947 dan 48 dan di-beli dengan harga kira2 \$10,000.

Kata-nya, barang2 purba yang amat menarek itu, seperti chichin yang mempunyai ukiran Sanskrit, telah pun tiba di-Brunei.

Pengiran M. Sharifuddin berkata, pada awal bulan ini musium itu telah membeli barang2 gangsa China yang berupa gong, pinggan dan perhiasan dalam rumah dari sa-orang pengumpul di-Sabah yang berharga \$26,000.

Barang2 tersebut akan dipamerkan di-musium yang akan di-bena di-atas sa-buah bukit di-Kota Batu dekat Bandar Brunei.

Pembinaan Mahligai ada empat sebab

BANDAR BRUNEI — Jabatan Hal Ehwal Ugama telah memberikan empat sebab kerana pembinaan sa-buah bahtera yang merupakan mahligai di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Ini ada-lah sebagai jawapan kepada kritik terhadap pembinaan mahligai tersebut.

Dalam satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama pada minggu lalu menyatakan:

- * Ia-nya ada-lah menunjukkan betapa besar hasrat chita2 dan usaha kerajaan dalam bidang mengembangkan ugama Islam, yang menjadi ugama rasmi di-negri ini.
- * Ia-nya juga ada-lah merupakan bangunan bagi di-adakan berbagai2 peraduan dan pesta yang ada hubungan-nya dengan ugama Islam.
- * Mahligai tersebut di-bena untok menjadikan-nya sa-lah satu sumber kepermainan Bandar Brunei, dan
- * Ia-nya ada-lah sebagai kenangan2 yang kekal kerana menyambut Nuzul Al-Koran ke-1,400 yang akan di-sambut sa-chara besar2an dalam bulan hadapan.

Ujian memandu kapalterbang

BANDAR BRUNEI — Dua beradek, George dan Richard Burns yang menjadi anggota Klab Penerbangan Di-Raja Brunei akan menjalani ujian bagi mendapatkan lesen memandu kapalterbang private tidak berapa lama lagi.

Mereka telah belajar memandu kapalterbang dalam masa beberapa minggu yang lalu.

Setia suaha klab itu Awangku Idris bin Pengiran Kerma Indera berkata, George dan Richard ada-lah dua orang anggota yang pertama klab tersebut menjalani ujian itu.

Ujian bagi mendapat lesen memandu kapalterbang private akan di-jalankan oleh Jabatan Penerbangan Awam Jesselton.

Klab Penerbangan Di-Raja Brunei telah di-tubuhkan baru2 ini.

Ia-nya telah membeli sa-buah kapalterbang jenis Cessna bagi tujuan2 latihan.

22 NOVEMBER, 1967

NILAI MATA WANG LAMA TURUN

SUASANA chemas telah menyeliputi penduduk2 di-negeri ini terutama yang tinggal di-kawasan2 luar bandar dan di-kampung2 pendalaman berhubung dengan turun-nya nilai mata wang lama yang telah di-umumkan oleh Kerajaan dalam minggu ini.

Suasana di-bank2 juga di-beritakan dalam keadaan ke-lam-kabut dan penuh sesak dari kunjungan orang ramai yang hendak menukar wang2 lama itu kepada wang2 yang baru sekali pun nilai wang lama itu telah turun ia-itu mata wang yang di-keluarkan oleh Lembaga Pesuruh-jaya2 Mata Wang Malaya dan Borneo British. Sesudah di-beritakan penurunan nilai wang yang lama itu-lah ba-haru kelihatan orang ramai dalam keadaan kebingungan.

Berikutan dengan berlakunya penurunan nilai mata wang yang lama itu yang hanya di-terima oleh Kerajaan sa-chara mengejut, maka orang2 yang maseh menyimpan wang2 lama itu tidak shak lagi telah menghadapi kerugian sa-banyak hampir2 15 sen bagi tiap2 ringgit wang lama yang mereka simpan itu.

Tetapi ketika mata wang Brunei di-keluarkan pada 12 Jun, 1967 Kerajaan telah menyeru orang ramai supaya menukarkan wang2 lama itu kepada mata wang Brunei yang di-keluarkan itu.

Sungguh pun nilai mata wang yang lama itu telah di-turunkan tetapi tidak-lah berarti wang2 lama itu tidak sah di-perlakukan lagi di-Brunei. Wang lama itu maseh di-perlakukan hanya nilai-nya saja yang kurang.

Sebab-nya turun nilai wang lama itu telah di-jelaskan oleh Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato John Lee ia-lah kerana persamaan-nya ada-lah di-nyatakan dalam nilai sterling sabanyak dua shilling empat pence dan oleh sebab nilai wang sterling telah di-turunkan maka turun-lah sama nilai wang lama itu.

Pegawai Kewangan Negara juga telah menasihatkan pekedai2 di-seluruh negeri supaya jangan menolak wang2 kertas dan shilling yang lama itu kerana ia maseh sah di-perlakukan tetapi hendak-lah menerimanya dengan nilai 85.71 sen wang baru atau dengan tambahan 17 sen wang shilling lama bagi tiap2 satu ringgit untuk menyamakan-nya dengan nilai wang ringgit Brunei.

Mata-wang2 Malaysia dan Singapura sama ada wang2 kertas atau shilling yang di-keluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan Kerajaan Singapura maseh terus di-pergunakan dengan nilai yang sama dengan mata wang Brunei dan ia-nya boleh di-terima dengan bebas.

Peraduan membacha Al-Kor'an sa-negeri Brunei Brunei/Muara munchul sebagai daerah yg terbaik



D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan sedang menyampaikan perisai kepada Johan membacha Al-Kor'an, Awang Wahid bin Awang Besar.



Johan membacha Al-Kor'an bahagian perempuan, Dayang Siti Ara sedang menerima haddiah 'Tizker' dari Duli Yang Maha Mulia.



Gambar atas kelihatan pemenang2 membacha Al-Kor'an peringkat Negeri. Dari kiri ia-lah Dayang Halimah (pemenang ketiga), Dayang Noraini binte Begawan Mudim Haji Adnan (Naib Johan); Dayang Siti Ara binte Haji Idris (Johan); Awang Wahid bin Awang Besar (Johan); Awang Murni bin Sanai (Naib Johan); dan Awang Damit bin Haji Kawang (pemenang ketiga).

Peraduan membacha kitab suci Al-Kor'an peringkat sa-Negeri Brunei telah berlangsung sa-lama dua malam berturut2 mulai pada 16 November, 1967.

Pembukaan rasmi peraduan itu telah di-lakukan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Pada malam kedua peraduan itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzuddin Waddaulah telah berchemar duli untuk menyaksikan-nya dan saterus-nya menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2.

Padang Besar Bandar Brunei telah di-banjiri oleh penduduk2 negeri ini terutama Umat Islam untuk sama2 menyaksikan peraduan itu di-jalankan. Antara tetamu2 kehormat yang turut menyaksikan peraduan itu termasuk-lah Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Yang Berhormat Penulong2 Menteri, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pegawai2 Kerajaan dan orang2 kenamaan.

Keputusan peraduan sa-lama dua malam itu ia-lah saperti berikut:

Johan qari telah di-menangi oleh Awang Wahid bin Awang Besar dari Daerah Brunei dan Muara; Naib Johan di-menangi oleh Awang Murni bin Sanai dari Daerah Belait; dan Ketiga, jatuh kepada Awang Damit bin Haji Kawang dari Daerah Brunei dan Muara.

Johan bahagian qari'ah jatuh kepada Dayang Siti Ara binte Haji Idris dari Daerah Brunei dan Muara; Naib Johan, Dayang Noraini binte Begawan Mudim Haji Adnan dari Daerah Tutong; dan Ketiga, di-menangi oleh Dayang Halimah binte Sulaiman dari Daerah Belait.

Keputusan yang terbaik sekali antara daerah2 telah di-menangi oleh Daerah Brunei dan Muara bagi tahun 1967.


Johan dari kedua2 bahagian akan menerima hadiah tambang perchuma untuk menunaikan fardhu haji ka-Mekah. Johan dari kedua2 bahagian itu beserta dengan naib johan lelaki akan mewakili Negeri Brunei ka-pertandingan peringkat antara bangsa yang akan berlangsung di-Kuala Lumpur dalam bulan puasa hadapan. Turut serta juga dalam rombongan Brunei ka-Kuala Lumpur itu ia-lah naib johan perempuan sa-bagai persediaan untuk mengganti Johan qari'ah jika terjadi satu2 perkara yang menyebabkan johan qari'ah itu mengundur diri.



Pentas yang di-bena bagi menempatkan jemputan2 kehormat ketika peraduan membacha kitab suci Al-Kor'an peringkat negeri di-langsungkan. Kelihatan Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Pengiran Muda Dato Seri Laila Jasa Kamaluddin sedang berucap.



Gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari penunton2 yang menyaksikan peraduan membacha kitab suci Al-Kor'an peringkat negeri.



Ini-lah pentas khas bagi menempatkan peserta2 ketika membacha ayat2 suci Al-Kor'an.



Di-sabelah kanan ia-lah Pengerusi Peraduan Peringkat Negeri, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Seri Laila Jasa Kamaluddin sedang memberikan ucapan di-peraduan itu. Di-sabelah kiri pula ia-lah Awang Yahya bin Haji Ibrahim sedang menyampaikan sharahan khas.



Salah sa-orang peserta, Awang Abdul Hamid bin Munaf dari Daerah Brunei dan Muara sedang memperdengarkan bachean-nya.

Awang Mukim bin Hassan peserta dari Daerah Brunei dan Muara kelihatan sedang membacha ayat2 suci Al-Kor'an dalam peraduan peringkat negeri.

Kerajaan bantu keluarga yang malang

ibu kapada 9 orang anak bershukor atas bantuan itu

SERIA — Satu keluarga di-Seria, sa-orang ibu dan 9 orang anak-nya telah menerima wang bantuan sa-jumlah \$100 dari Jabatan Penchen Negara kerana membantu keluarga itu di-sebabkan suami dan ayah kapada 9 orang anak itu telah mengidap penyakit otak sejak beberapa bulan yang lalu.

Ibu kapada 9 orang anak itu, Dayang Saenah bin Abdullah telah menyatakan keshukoran-nya atas bantuan Kerajaan itu yang nanti-nya akan dapat menyambong penghidupan mereka dengan sempurna.

Suami Dayang Saenah, Awang Ali bin Osman telah mengidap penyakit otak sejak beberapa bulan yang lalu dan pada masa ini beliau ada-lah di-bawah jagaan doktor.

Timbalan Pengawal Penchen2, Awang Mohsin bin Pukul menyatakan bahawa keluarga itu akan menerima bantuan sa-jumlah itu pada tiap2 bulan.

Awang Mohsin menyatakan bahawa sa-hingga masa ini sa-banyak 7 keluarga bagi pengidap2 penyakit otak di-seluruh negeri telah di-beri bantuan mengikut kadar banyak tanggungan dalam keluarga itu.

PENYAKIT OTAK


Keluarga2 pengidap penyakit otak yang menerima bantuan sa-hingga masa ini ia-itu tiga keluarga di-Daerah Brunei dan Muara, tiga keluarga di-Daerah Belait dan satu di-Tutong. Bantuan2 yang di-berikan itu sa-tinggi2-nya sa-banyak \$100 dan sa-rendah2-nya \$20 mengikut ramai keluarga itu.

Awang Mohsin berkata, kerana memberi bantuan bagi keluarga2 pengidap penyakit otak ini, Kerajaan telah mengeluarkan wang sa-jumlah \$620 pada tiap2 bulan.

Di-samping itu, Jabatan Penchen juga telah mengeluarkan bantuan2 bagi orang2 tua yang berumur 60 tahun katatas, tanggungan bagi orang2 buta dan tanggungan bagi pengidap penyakit kusta. (Jabatan Penchen tidak memberi bantuan kapada orang2 yang mengidap penyakit batok kering seperti mana yang di-siarkan oleh Radio Brunei pada minggu lalu).

Kerajaan pada masa ini telah mengeluarkan bantuan yang berupa wang sa-banyak hampir2 \$90,000.00 pada tiap2 bulan kerana memberi bantuan kapada lebih dari 4,000 (bukan 40,000 seperti yang di-siarkan dalam warta berita Radio Brunei minggu lalu), orang dalam ke-empat2 bahagian penghidupan penduduk yang malang itu.

Gambar bawah menunjokkan Dayang Saenah bersama2 dengan sembilan orang anak-nya. Beliau menerima bantuan dari Jabatan Penchen kerana suami-nya sedang mengidap penyakit otak.



Empat orang lagi pemimpin2 belia hadhiri kursus di-Kuala Kubu

BANDAR BRUNEI. — Empat orang pemimpin belia telah berlepas ka-Malaysia Barat pada hari Ahad yang lalu kerana menjalani latihan puchok pimpinan belia, di-Pusat Latihan Belia Kebangsaan di-Kuala Kubu Bahru.

Mereka ia-lah Awang Marzuki bin Haji Salleh, dari Angkatan Kampong Setia, Awang Zainuddin bin Haji Jaafar dari Kampong Ujong Tanjong dan Kampong Kuala Peminyak, Awang Mohamad Idrus bin Mahari dari Ikatan Melayu Telisai dan Awangku Zainal bin Pengiran Bustamam dari Badan Hadrah Tunas Raja Muda.

KURSUS PEMIMPIN

Ka-empat pemimpin belia itu akan berada di-pusat belia tersebut, selama tiga minggu untuk meluaskan pengetahuan mereka mengenai pertubuhan dan pergerakan

belia dan pentadbiran klab2 belia.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kebajikan berkata, dengan pemergian empat pemimpin belia ka-Kuala Lumpur itu, jabatan kebajikan telah selesai menyempurnakan rancangan latihan-nya ka-seberang laut bagi pemimpin2 belia da-

lam tahun ini.

Apabila empat orang pemimpin belia itu kembali katanah ayer pada bulan depan, Jabatan Kebajikan telah pun menghantar kira2 30 orang pemimpin belia, termasuk beberapa orang pemimpin wanita kerana menjalani latihan di-Malaysia Barat.

Pegawai2 Kerajaan di-pelawa untuk bertanding dalam pilihan raya

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah menjemput pegawai2 kerajaan untuk bertanding sebagai chalon dalam pilihan raya kecil kawasan Temburong yang mana 25 November telah di-tetapkan sebagai hari penamaan chalon. Pilihan raya kecil itu di-adakan di-sebabkan kematian Yang Berhormat Pengiran Majid bin Pengiran Mohamad Daud yang telah menang dalam pilihan raya dalam

bulan March tahun 1965 bagi kawasan itu.

Pegawai2 kerajaan yang ingin hendak bertanding mestilah memohon chuti.

Jika pegawai itu di-pilih beliau akan bersara dari perkhidmatan dan sa-orang pegawai yang tidak di-pilih akan di-ambil semula berkhidmat dengan kerajaan.

Hari membuang undi bagi pilihan raya kecil itu ia-lah 8 Januari 1968.

PENGARAH DBP ALU2KAN PENUBOHAN PENULIS

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Omar telah mengalu2kan penubohan Persatuan Penulis2 Penuntut.

Kira2 50 orang penuntut2 dari sekolah2 menengah di-Bandar Brunei telah mengadakan perjumpaan di-bilek Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Jumaat yang lalu.

Mereka mewakili Klab Sasetera dari sekolah2 menengah Melayu dan Inggeris dan juga Maktab Perguruan dan badan2 penuntut di-Singapura dan Malaysia Barat.

Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Jamil berkata Dewan Bahasa dan Pustaka akan sentiasa memberi pertimbangan kepada renchana2 oleh penulis2 tempatan untuk di-terbitkan dalam majalah2-nya.

Dewan itu menerbitkan "Bahana" dan "Beriga" bagi bacaan orang dewasa dan "Mekar" sa-buah majalah untuk kanak2.

Sementara menunggu pendaftaran-persatuan itu akan di-kekelolakan oleh jawatankuasa sementara. Awangku Mohamed Yusof bin Pengiran Abas sebagai pengurus dan Awang Mohiddin bin Haji Ismail sebagai setiausaha kehormat.

Pulis munchul sebagai johan hoki

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Pulis Di-Raja Brunei telah munchul sebagai johan dalam perlawanan hoki daerah Brunei sistem kalah mati apabila pasokan itu mengalahkan Pasokan Maktab SOAS dengan satu gol kosong dalam satu perlawanan yang telah berlangsung di-padang SMJA pada hari Sabtu lepas.

Pasokan Pulis telah memenangi piala yang di-hadiahkan oleh Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sungoh, Penolong Menteri Pertanian dan Pasokan Maktab sebagai naib johan telah di-hadiahkan sa-buah piala hadiah dari Pengiran M. Shari-fuddin, Penyelenggara Mu-zium.

Gol pasokan pulis telah di-jaringkan oleh Saidon Mulok 10 minit sa-belum perlawanan selesai.

Perlawanan itu di-anjorkan oleh Persatuan Hoki Daerah Brunei untuk menandakan hari keputeraan yang ka-51 Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan.

Pertandingan tablo bagi Daerah Brunei/Muara

BANDAR BRUNEI.—Pertandingan Pementasan Tablo Peringkat Daerah Brunei dan Muara kerana sambutan Nuzul Al-Koran ke-1,400 tahun akan di-langsungkan pada 27 hingga 29 November ini bertempat di-Dewan Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama mulai pukul 8.00 malam.

Pertandingan itu ada-lah bagi memilih wakil Daerah Brunei ka-pertandingan peringkat negeri yang akan berlangsung di-Bandar Brunei dalam pertengahan bulan Puasa yang akan datang.

Daerah Tutong telah pun mengadakan pertandingan peringkat Daerah itu dalam minggu lalu yang mana Persatuan Melayu Keriam munchul sebagai johan.

Sa-orang juruchakap Jawatankuasa Pertandingan Peringkat Negeri berkata, bahawa Daerah Belait mungkin akan menghantar wakil-nya tanpa mengadakan pertandingan di-daerah itu.

Daerah Temburong akan juga menghantar wakil-nya hasil dari pertandingan peringkat Daerah yang telah berlangsung kelamarian.

Dalam pertandingan peringkat Daerah Brunei dan Muara beberapa buah persatuan2 belia telah pun mendaftarkan nama mereka untuk memasuki pertandingan itu dan hingga hari ini jawatankuasa itu maseh lagi membukakan peluang kepada persatuan2 yang belum mendaftarkan diri mereka.

Jawatankuasa itu juga ada-lah mengharapakan supaya lebeh banyak lagi persatuan2 belia di-Daerah Brunei dan Muara turut serta dalam pertandingan itu nanti dan mereka boleh-lah berhubung dengan Awang Metussin bin Timbang di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, dengan sa-beberapa segera untuk mendapatkan borang masuk dan skrip2 tablo yang telah di-se-diaikan.

Pameran seni lukis sekolah2 Melayu Belait

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah merasmikan pembukaan pameran tahunan seni lukis dan pekerjaan tangan, sekolah2 Melayu bagi daerah Belait, di-sekolah Melayu Ahmad Tajuddin.

Murid2 dari sa-buah sekolah menengah dan lima buah sekolah rendah telah menyertai pameran tersebut ia-itu yang kedua di-adakan bagi daerah Belait.

Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin memenangi hadiah bagi pameran yang terbaik, diikuti oleh Sekolah Melayu Lumut.

Dalam ucapan-nya, semasa merasmikan pembukaan pameran itu, Pengiran Momin telah mengingatkan tentang kemajuan pelajaran dalam daerah Belait terutama di-kawasan2 luar bandar.

Pada hari ini kata beliau, kerajaan telah pun membena sekolah2 di-Malilas, Sukang, Buau dan Merangking yang lima tahun yang lalu tidak terdapat sekolah2 di-tempat2 itu.

Pegawai Daerah itu juga telah menggesa murid2 supaya tekun belajar dan memberitahu mereka bahawa kerajaan memerlukan lebeh ramai lagi anak2 muda lelaki dan perempuan untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari Rabu 22 November, 1967 hingga ka-hari Selasa 28 November, 1967 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
22 Nov.	12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-10	
23 Nov.	12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-10	
24 Nov.	12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-10	
25 Nov.	12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-10	
26 Nov.	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12	
27 Nov.	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12	
28 Nov.	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Pertunjukan alat2 mengajar Anjoran MPMB

BANDAR BRUNEI. — Satu pertunjukan alat mengajar aliran Melayu anjoran Maktab Perguruan Melayu Brunei akan di-adakan di-Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei pada 25 November.

Dalam pertunjukan itu akan di-adakan juga peraduan2 mengenai alat2 mengajar yang terbuka kepada penuntut2 Maktab Perguruan dari tahun satu hingga tahun tiga.

Peraduan itu ia-lah mengenai alat untuk mengajar pelajaran Melayu, Inggeris, Ilmu Alam, Tawarikh, Ilmu Hisab Sains, Pertukangan Tangan dan kesihatan.

Peraduan itu juga terbuka kepada guru2 sama ada atas nama bersaorangan atau sekolah2 sa-lain daripada guru2 dalam latehan dan alat2 tersebut ada-lah hasil kerja guru2 itu sendiri.

Pertunjukan itu akan di-rasmikan pembukaan-nya oleh Yang Berhormat, Penolong Menteri Pelajaran, Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking.

Tujuan pertunjukan itu di-adakan ada-lah untuk memberi peluang kepada guru2 dan bakal guru2 untuk menunjukkan kebolehan mereka dalam perkara2 mengenai peralatan mengajar dan juga memberi peluang kepada ibu bapa untuk menyaksikan alat2 mengajar sa-chara moden itu.

Guru Ugama kehormat di-kehendaki

Pemohonan2 ada-lah di-jemput dari pada orang ramai yang beragama Islam dalam negeri ini bagi memenohi satu jawatan sebagai "GURU UGAMA KEHORMAT" dalam kapal haji "ANSUN" bagi pelajaran musim haji tahun 1968.

Sharat2 memohon:

1. Umor di-antara 22 tahun hingga 50 tahun.
2. Pemilihan ini terta'alok kepada puas hati temu duga yang akan di-adakan oleh Jabatan Ugama, Brunei.
3. Raayat Sultan ada-lah di-utamakan.

Pemohonan2 hendak-lah di-tujukan kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei tidak lewat daripada hari Khamis, 27hb. Sha'ban, 1387 bersama'an dengan 30 November, 1967. Pemohonan2 yang lewat di-terima tidak di-timbangan.

Pemangku Menteri Besar rasmikan peraduan membacha Al-Koran sa-negeri

"Al-Koran pendurong kemajuan", kata beliau

BANDAR BRUNEI — Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim ketika berucap sejurus sa-belum merasmikan pembukaan peraduan membacha kitab suci Al-Kor'an peringkat sa-negeri telah menyatakan keyakinan beliau bahawa peraduan itu bukan-lah semata2 untuk mencari pemenang2 saja bahkan bertujuan lebih penting dari itu.

"Saya percaya bahawa majlis peraduan ini tidak-lah ditujukan hanya untuk memoleh johan dan memberikan hadiah2 saja, tetapi maksud-nya jauh lebih besar daripada itu, ia-itu untuk menjadi pendurong yang besar dan untuk menjadi galakan kepada usaha2 memajukan perjuangan Al-Kor'an", tegas beliau.

Beliau yakin bahawa kemenangan itu bukan-lah hanya untuk mendapat nama, tetapi untuk menjadikan daya penolak umat Islam bergerak maju bagi memahami Al-Kor'an sebagai panduan hidup umat Islam dari dunia hingga ka-akhirat.

Beliau menegaskan bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia ada-lah sentiasa memberi dan menggalakkan dalam usaha2 kemajuan Ugama dari dahulu sampai bila2 masa pun. "Hendak-nya pehak raayat akan sentiasa tidak putus2 memberi kerjasama yang erat kepada usaha2 yang sa-demi-kan itu", kata beliau.

Terdahulu dari itu, Pengerusi peraduan tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Seri Laila Jasa Kamaluddin, Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama telah menyatakan harapan-nya bahawa qari2 dan qari'ah2 yang akan mewakili Negeri Brunei ka-peraduan peringkat Antara Bangsa yang akan di-adakan di-Kuala Lumpur dalam bulan Puasa ini akan dapat menunjukkan kebolehan mereka yang chemerlang pada tahun ini.

"Peringkat pembachaa Al-Kor'an bagi qari2 dan qari'ah2 yang telah di-pilih dalam peraduan peringkat daerah telah jelas mencapai ka-satu peringkat yang lebih baik dan sempurna", tegas beliau.

Yang Amat Mulia itu meng-inkatkan kepada peserta2 yang

berjaya supaya jangan-lah hendak-nya berpuas hati atas kemenangan mereka itu bahkan hendak-lah mereka mendalami lagi pengetahuan yang ada pada mereka.

"Kapada peserta2 yang tidak berjaya jangan-lah hendak-nya mudah putus asa bahkan

hendak-lah mereka mencari kelemahan2 yang ada pada diri mereka dan sa-terus-nya mencari jalan untuk mengatasi kelemahan itu", kata beliau.

(Gambar2 di-pertandingan itu dan keputusan2-nya di-siarkan di-muka tengah).



Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar ketika merasmikan pembukaan peraduan membacha kitab Suci Al-Kor'an bagi peringkat seluruh negeri yang di-langsungkan sa-lama dua malam berturut2 mulai 16 November, 1967 lepas di-Padang Besar, Bandar Brunei.

Al-Koran rapus dengan petunjok2

Dari Muka 1.

pelajari-nya sa-hingga berkebolehan.

Baginda berseru supaya perhatian berat harus juga ditumpukan terhadap pengajaran2 Al-Kor'an itu sebagai sebuah kitab yang 'rapus' (lengkap) mengandungi petunjuk laila yang boleh di-jadikan panduan untuk menghadapi kebahagiaan hidup di-dunia dan di-akhirat.

"Ajaran2 di- dalam Al-Kor'an menggalakkan dan menyuruh kita yang benar2 menganut Ugama Islam sentiasa bersifat jujur dan amanah semata2 kerana Allah dalam menjalankan kewajipan2 kita dan pada menunaikan tugas2 yang di-tanggongkan ka-atas bahu kita", titah Baginda.

Di-samping itu Baginda juga bertitah bahawa kita sebagai orang Islam ada-lah sangat mustahak mengetahui apa arti yang sa-benar-nya ibadat2 dalam ugama kita dan dengan demikian baharu-lah kita dapat menjalankan usaha dan laila

ikhtiar yang mendatangkan kebajikan dan sempura.

Selanjut-nya Baginda bertitah:

"Al-Kor'an ada-lah mengandungi pengajaran2 yang kukuh dan tidak berubah tetapi sesuai dengan masa hingga ka-hari kiamat dan dalam Al-Kor'an juga ada mengesahkan dari gulungan2 manusia yang terdahulu daripada kita. Ini ia-lah suatu tauladan dari segi sejarah yang mustahak dan penting bagi kita semua mengetahui-nya".

"Semoga dalam menghadapi dunia sekarang ini dapat-lah kita menggunakan kesah2 itu sa-bagai dalil dan kias untuk perbandingan dan laila petunjuk pada menjalankan laila usaha dan perbuatan kebajikan", titah Baginda.

Akhir-nya Baginda menyeru umat Islam di-negeri ini supaya mempelajari dan memahami serta mengamalkan ajaran2 dalam Al-Kor'an yang suci.

(Gambar2 dalam pertandingan itu di-siarkan di-muka tengah).

WANG LAMA MASEH LAKU

BANDAR BRUNEI — Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato John Lee berkata bahawa mata wang yang lama ia-itu wang2 kertas dan shiling yang di-keluarkan oleh Lembaga Pesuruhjaya2 Mata Wang Malaysia dan Borneo British maseh lagi sah di-pergunakan di-Brunei.

Beliau meminta pekedai2 dan pedagang2 supaya jangan menolakan wang2 kertas dan shiling itu tetapi hendak-lah menerima-nya dengan tambahan 17 sen wang shiling lama bagi tiap2 satu ringgit untuk menyamakan-nya dengan nilai wang ringgit Brunei.

Dato Lee telah menjelaskan tentang pengumuman Kerajaan mengenai turun-nya nilai wang paun sterling dan keputusan Brunei untuk tidak mengurangkan nilai mata wang-nya.

Satu ringgit wang Brunei ada-lah sama harga-nya dengan satu ringgit tujuh belas sen (\$1.17 sen) wang lama atau satu ringgit wang lama ada-lah berharga 85.71 sen dari nilai yang di-sebutkan pada muka wang itu.

Sebab-nya turun nilai wang lama itu ia-lah kerana persamaan-nya ada-lah di-nyatakan dalam sterling yang berharga dua shilling empat pence.

Oleh sebab mata wang Brunei belum lagi di-turun nilai-nya, maka ia-nya sekarang berharga dua shilling lapan perpuloan tujuh pence.

Dato Lee berkata, mata-wang2 Malaysia dan Singapura, ia-itu wang2 kertas dan shiling yang di-keluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan Kerajaan Singapura maseh terus di-pertukarkan dengan nilai yang sama dengan mata wang Brunei.

Mata wang Malaysia dan Singapura boleh di-terima dengan bebas-nya seperti mata wang Brunei.

D.Y.M.M. rasmikan pusat bekalan letrik

Dari Muka 1.

manan dan keselamatan-lah letak-nya kejayaan sa-barang projek perkembangan bagi mencapai kemajuan yang akan membuahkan nikmat bahagia.

Terdahulu dari itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim berkata bahawa ranchangan perbekalan letrik yang besar itu telah menelan belanja sa-banyak \$16 juta.

Ranchangan itu ia-lah untuk mengadakan bekalan letrik bagi raayat kawasan2 bandar dan kawasan luar bandar.

Pemangku Menteri Besar berkata, Kerajaan berharap semoga bekalan letrik yang boleh di-dapati sekarang akan menjadi pendurong bagi perkembangan perusahaan di-negeri ini.

Pemangku Menteri Besar kemudian menyentuh tentang pelbagai projek perkembangan yang sedang di-laksanakan oleh Kerajaan dan berkata bahawa seperti ranchangan perbekalan letrik ranchangan2 tersebut bila siap nanti akan mendatangkan faedah kepada raayat.